

15 AUG 2003

Mustapa-Pelan

PELAN TINDAKAN TAWAN KELANTAN DIEDAR HUJUNG TAHUN

MACHANG 15 Ogos (Bernama) -- Draf Pelan Tindakan Tawan Kelantan yang akan digunakan sebagai senjata penting pada pilihan raya umum kelak dijangka diedarkan kepada rakyat negeri itu selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamad berkata pelan berkenaan kini sedang dalam peringkat akhir dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh sebulan lagi.

"Kita mahu rakyat Kelantan dapat menelitinya lebih awal tidak seperti pada pilihan raya-pilihan raya lepas," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara penutup Kursus Jentera Pilihan Raya Umno Kelantan di Universiti Teknologi Mara (UITM) di sini semalam.

Mustapa berkata ini bertujuan memberi keyakinan kepada rakyat Kelantan bahawa Barisan Nasional (BN) memang jujur dan berhasrat membangunkan Kelantan jika diberi peluang merampas balik pemerintahan daripada Pas.

Katanya pelan itu dirangka oleh pelbagai pihak termasuk pensyarah, pakar ekonomi dan ahli akademik yang lebih memberi fokus kepada isu-isu tempatan dan kejayaan BN membangunkan negara hasil kepimpinan Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pelan itu dirangka secara berasingan dengan manifesto yang akan dikeluarkan oleh BN di peringkat pusat.

Ketika berucap pada majlis berkenaan Mustapa, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata pihaknya bercadang membekalkan komputer di setiap peti undi Umno di Kelantan.

Beliau berkata komputer amat penting digunakan oleh setiap peti undi untuk menyimpan data-data setiap anggota dan parti lawan serta strategi-strategi bagi menghadapi pilihan raya.

"Pada pilihan raya lepas kita agak ketinggalan berbanding Pas yang menggunakan kemudahan itu secara meluas", katanya.

-- BERNAMA

WM ROS